

BABI

Bab I

Pendahuluan

1. Latar Belakang Masalah

1.1 Sejarah Awal Batu Pahat

Batu Pahat terletak di Pantai Barat negeri Johor dengan keluasan 1872.56 kilometer persegi. Pada zaman dahulu, Batu Pahat dikenali sebagai Sungai Kundur. Ianya merupakan penempatan-penempatan kecil yang berasingan yang dibuka oleh orang-orang kenamaan dan orang-orang besar seperti penghulu dan ketua-ketua kampung.¹ Berikutan dengan pembukaan penempatan-penempatan kecil ini menyebabkan kawasan Batu Pahat telah bertambah maju dan meluas.

Pada tahun 1885, beberapa orang berketurunan Inggeris iaitu Stiple, Jackson dan Watt telah membuka sebuah ladang kopi di kaki bukit Penggaram iaitu berhampiran dengan Pengkalan Jeram. Usaha-usaha untuk membuka bandar Batu Pahat semakin giat dijalankan pada tahun 1888 oleh Dato' Yahya bin Awaluddin yang juga dikenali sebagai Dato' Yahya Tinggi di suatu kawasan Bukit Senangin, Kg. Tambak, tebing kanan Sg. Batu Pahat. Tetapi usaha beliau menemui kegagalan kerana faktor geografi dan ekonomi yang tidak sesuai². Walaupun begitu, pembukaan petempatan-petempatan baru masih juga

¹ Bahagian Perhubungan Awam, Pejabat Daerah Batu Pahat, 9 September 2002, 10.30 a.m.

² Shaharom Husain, (1995), *Sejarah Johor Kaitannya Dengan Negeri Melayu*. Kuala Lumpur:Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. h. 5.

diteruskan. Pada tahun 1889, Orang Kaya Sidek bin Ismail telah membuka satu petempatan di seberang Kg. Minyak Beku yang berdekatan dengan Kg. Jakun dan kawasan ini dinamakan Benut Selamat. Tetapi tidak lama kemudian, nama ini telah bertukar kepada Bagan. Ramai orang-orang yang telah tertarik ke tempat itu termasuk juga orang yang datang dari Pulau Jawa, Madura dan lain-lain pulau. Orang-orang Jawa yang diketuai oleh Hj. Ibrahim telah membuka kebun-kebun kelapa dan kopi. Di antara orang-orang yang terkenal di kampung itu ialah seperti Pawang Abu, Hj. Arshad (orang Melaka) dan Mohamed Tab (orang Muar). Jadi, sehingga pada tahun 1893, barulah Dato' Bentara Luar iaitu Dato' Muhammad Salleh bin Perang berjaya memulakan usaha bagi membangunkan bandar Batu Pahat di kawasan Simpang Kanan iaitu kira-kira tujuh batu dari kuala Sg. Batu Pahat.³

Kemajuan Bandar Maharani yang telah dibuka pada tahun 1884, mencabar keupayaan penghulu-penghulu Batu Pahat bagi membuka sebuah bandar. Tambahan pula memandangkan kemajuan yang pesat di kawasan sekitarnya seperti Serum, Beram, Tebing Tinggi, Kg. Sejagong, Langkap, Chaah dan lain-lain lagi. Satu perjumpaan telah diadakan di Kuala Simpang yang terdiri daripada orang-orang Kaya, penghulu-penghulu, Menteri Penghulu dan Jenang-Jenang (gelaran bagi ketua orang Asli) yang dipengerusikan oleh Encik Ab. Hamid bin Ahmad iaitu ketua pengaman Batu Pahat.

Keputusan mesyuarat tersebut telah melantik Penghulu Rahmat bin Ragam (Penghulu Simpang Kanan) dan Penghulu Kitam bin Mohd. Shah (Penghulu

³ Rujuk Lampiran B (i)

Simpang Kiri) mengadap Sultan Abu Bakar memohon Dato' Mohamad Salleh bin Perang membuka satu bandar untuk Batu Pahat. Mereka berkeyakinan Dato' Bentara Luar akan berjaya membuka sebuah lagi bandar di Batu Pahat.

Pada 4 hb. November 1893, Dato' Muhamad Salleh yang pada masa itu menetap di Kg. Senangar, dipanggil ke Johor Bharu. Pada 11 hb. November 1893, Sultan Abu Bakar telah bertitah kepada beliau:⁴

"Aku disusahkan oleh dua penghulu Rahmat dan Kitam. Dua tiga kali berjumpa dengan aku minta engkau membuka Batu Pahat. Aku jawab dengan Rahmat dan Kitam, jangan engkau semuanya sumpah dan tidak ikut apa-apa perintah dia kelak. Dia jawab pada aku, tidak sekali-kali. Aku fikir bolehlah engkau buka Batu Pahat itu, mana-mana tempat anggaran engkau hendak jadikan Bandar...."

Kedudukan tempat yang hendak dijadikan bandar adalah kira-kira 15 kilometer dari kuala Sg. Batu Pahat, sebelah kanan tebing mudik sungai. Dato' Bentara Luar memilih kawasan ini kerana senang dan boleh merapatkan kapal-kapal besar yang dianggarkan dapat masuk ke sungai dengan membina sebuah dermaga bagi kemudahan perdagangan laut.⁵

Kerja mengukur, merancang dan membangunkan pusat bandar pentadbiran daerah telah berjalan lancar dengan bantuan kuat dua orang penghulu itu termasuk perbelanjaan yang dipungut dari orang tempatan dan juga bantuan kewangan dari Orang Kaya Bagan serta kewangan Dato' Bentara Luar sendiri.

Pembukaan rasminya telah dilakukan pada 1hb. Januari 1894 oleh Dato' Muhamad Salleh Perang sendiri yang dihadiri oleh Orang-Orang Kaya,

⁴ *Ibid.*

⁵ Abdullah Zakaria et al. (1994), *Johor Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, h. 9

Penghulu-Penghulu dan orang-orang kenamaan tempatan. Selain diwujudkan sistem pentadbiran moden dengan pegawai-pegawai tadbir yang tertentu menggantikan sistem tradisional, Batu Pahat mula berkembang maju di mana Dato' Muhamad Salleh bin Perang yang menjadi wakil Raja memerintah Batu Pahat, kemudiannya menjadi Pesuruhjaya Kerajaan telah memainkan peranan yang amat aktif.⁶

Orang-orang kampung telah digalakkan dan digesa membuka kebun untuk bercucuk tanam dan membuat parit tali air dan dalam masa yang sama pemodal-pemodal asing mula datang membuka kebun, ladang dan bermiaga di Batu Pahat. Kebolehan Dato' Bentara Luar berbahasa Cina merupakan faktor menyebabkan beliau pada umumnya disukai oleh orang Cina dan faktor yang membawa kepada kemajuan ekonomi dan harmoni di daerah itu. Pentadbiran Batu Pahat di bawah pimpinan Dato' Bentara Luar berjalan lancar dan mengagumkan, ini dinyatakan oleh Ungku Sulaiman bin Daud, Pesuruhjaya Besar Johor (General Commisioner) dalam rangka lawatan tugasnya di Batu Pahat pada 21hb. Hingga 24hb. Disember 1896.⁷

Kemajuan ekonomi Batu Pahat dapat diukur berdasarkan pendapatan daerah yang didapati sepanjang tahun. Ketika bandar ini dibangunkan dalam tahun 1893 pentadbiran daerah berjaya mengutip sejumlah RM 15,000.00 sahaja tetapi dalam tahun 1910 pendapatan tahunan mencapai jumlah RM 55,375.00.

⁶ Rujuk Lampiran B (i).

⁷ Zainal Abidin Borhan et al. (1997), *Warisan Persuratan Johor*. t.t.p: Yayasan Warisan Johor, h. 26.

Zaman Dato' Bentara Luar berakhir pada pertengahan tahun 1911 apabila Ungku Ahmad bin Ungku Muhamad Khalid dilantik menjadi Pesuruhjaya Kerajaan Daerah berpadu dengan Penolong Penasihat berbangsa Inggeris untuk menjalankan pentadbiran. Kini Batu Pahat terus membangun dan muncul sebagai salah satu daerah yang termaju di negeri Johor Darul Takzim dan mempunyai potensi yang besar untuk terus maju pada masa hadapan.

1.2 Keluasan Daerah Batu Pahat

Jadual 1.1: Maklumat Keluasan Mukim Dalam Daerah Batu Pahat

Bil	Mukim	Keluasan			
		Batu Per.	Km Per.	Ekar	Hektar
1	Lubuk	16	41.44	10,240.00	4,143.99
2	Bagan	15	38.85	9,600.00	3,885.99
3	Peserai	7	18.12	4,480.00	1,812.00
4	Simpang Kiri	38	98.42	24,320.00	9,842.06
5	Simpang Kanan	48	124.32	30,720.00	12,432.07
6	Linau	39	101.01	24,960.00	10,101.06
7	Tanjung Semberong	133	344.47	85,120.00	34,447.21
8	Chaah Bharu	118	305.62	75,520.00	30,562.19
9	Sri Gading	74	191.66	47,360.00	19,166.12
10	Minyak Beku	48	124.32	30,720.00	12,432.08
11	Kampung Bahru	26	67.34	16,640.00	6,734.04
12	Sungai Punggur	34	88.06	21,760.00	8,806.05
13	Sungai Kluang	38	98.42	24,320.00	9,842.06
14	Sri Medan	89	230.51	56,960.00	23,051.14
Jumlah :		723	1872.56	462,720.00	187,258.06

(Sumber: Pejabat Daerah Batu Pahat, Johor)

1.3 Maklumat Penduduk Dalam Daerah Batu Pahat

Jadual 1.2: Maklumat Penduduk Dalam Daerah Batu Pahat⁸

Mukim	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1. Lubok	1,435	3,387	4,822
2. Bagan	1,652	3,040	4,692
3. Peserai	2,821	4,227	7,048
4. Simpang Kiri	8,368	9,839	18,207
5. Simpang Kanan	79,500	60,140	139,640
6. Linau	9,160	10,522	19,712
7. Tg. Semberong	14,853	60,140	31,058
8. Sri Gading	16,930	23,049	39,979
9. Minyak Beku	9,478	5,062	15,080
10. Kampung Bahru	2,939	5,064	8,003
11. Sungai Punggor	1,910	5,625	7,175
12. Sungai Kluang	13,365	7,598	20,963
13. Chaah Bahru	2,124	3,294	5,418
14. Sri Medan	4,552	9,019	13,571
Jumlah	169,087	166,281	335,368

(Sumber: Pejabat Daerah Batu Pahat)

2. Pengertian Tajuk

Sebelumuraian lanjut dibuat, penulis terlebih dahulu akan menerangkan secara ringkas tentang pengertian tajuk yang telah dipilih iaitu “ADAT ISTIADAT MASYARAKAT JAWA DARI PERSPEKTIF ISLAM: SUATU KAJIAN DI DAERAH BATU PAHAT, JOHOR” sebagai bahan kajian. Di sini, penulis akan

⁸ Rujuk Lampiran D.

menjelaskan istilah-istilah yang berkaitan dengan tajuk perbahasan seterusnya penulis akan membuat rumusan berdasarkan data dan maklumat yang diperolehi. Istilah-istilah tersebut ialah;

a) **Adat** - Menurut Kamus Dewan, adat merupakan peraturan-peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun semenjak dahulu kala di dalam sesebuah masyarakat sehingga kadang-kadang menjadi hukum dan peraturan yang harus dipatuhi.⁹ Perkataan ‘adat’ atau ‘adah’ berasal dari perkataan ‘Arab yang bermaksud kelaziman’.¹⁰ Manakala dalam kamus Munjid pula adat berasal daripada perkataan ‘urf yang bermaksud “sesuatu yang menjadikan ulama’ mensyara’kan pembinaan hukum”.¹¹ Menurut Zainal Kling pula, adat disamaartikan dengan istiadat dan memberi pengertian yang lebih luas dan mendalam sehingga secara tradisi ia dapat disamaartikan dengan kebudayaan. Ia dianggap sebagai asas sistem sosial, ekonomi, politik dan kebudayaan Melayu.¹²

Di sini, penulis merasa tertarik untuk mengemukakan kesimpulan tentang pengertian adat yang telah dibuat oleh Surojo hasil daripada pengertian-pengertian yang diberikan oleh para sarjana iaitu adat merupakan suatu kompleks norma-norma yang bersumberkan kepada perasaan keadilan rakyat yang selalu berkembang serta meliputi peraturan-peraturan atau tingkah laku manusia dalam

⁹ Dr. Teuku Iskandar (1984), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 6

¹⁰ Mohd. Idris 'Abd. Ra'uf al-Marbāwī (1935), *Qāmus Idris Al-Marbāwī 'Arab Melayu*, j 2, Meşir:Dār al-Fiqr, h. 48

¹¹ _____ (1986), *Al-Munjid Fi al-Lughah Wa al-A'lām*, c. 26, Beirut:Darul Masriq, h. 560

¹² Zainal Kling (1984), *Prinsip Adat dan Kebudayaan Masyarakat Negeri Sembilan: Satu Bibliografi*. Kuala Lumpur: t.p., h. 1

kehidupan masyarakat seharian di mana sebahagian besarnya tidak bertulis, tetapi sentiasa ditaati dan dihormati oleh rakyat kerana mempunyai akibat hukum.¹³

b) Istiadat - Istiadat menurut Kamus Dewan, merupakan peraturan atau cara-cara melakukan sesuatu yang sudah menjadi kebiasaan. Ianya dilangsungkan dalam suatu upacara majlis rasmi untuk menyambut sesuatu peristiwa (seperti pertabalan, perkahwinan dan sebagainya).¹⁴ Manakala Dr. Abdullah Siddik pula mentakrifkan istiadat adalah adat dalam pengertian upacara sahaja iaitu tata tertib yang berlaku pada zaman raja-raja seperti upacara penobatan, penerimaan dan pemakaman raja-raja.¹⁵

Secara umumnya, ia bermaksud peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh sesebuah masyarakat atau bangsa yang harus dilakukan dengan sepenuhnya terutamanya di majlis-majlis rasmi dan ianya tidak boleh dianggap sebagai suatu upacara sampingan atau perkara remeh kerana tujuan utamanya ialah memberikan erti dan nilai kepada sesuatu peristiwa atau perkara yang dilakukan dalam hidup kita baik sebagai peribadi, masyarakat mahupun negara amnya.¹⁶

c) Masyarakat - Perkataan ‘masyarakat’ menurut Kamus Dewan bermaksud kumpulan manusia yang hidup bersama dalam suatu tempat dengan aturan-aturan yang tertentu.¹⁷ Lucky Mair dalam bukunya “*An Introduction To Social Anthropology*” mendefinisikan masyarakat sebagai satu gagasan yang

¹³ Surojo Wignjodipuro S.H (1967), *Pengantar dan Asas-Asas Hukum Adat*. Jakarta: Gunung Agung, h. 16

¹⁴ Iskandar, *op. cit.*, h. 424.

¹⁵ Abdullah Siddik (1975), *Pengertian Undang-Undang Adat Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 10.

¹⁶ Asmad (1990), *Kesenian Adat, Kepercayaan dan Petua*, j. 2, t.t.p: Associated Educational Distributors (M) Sdn Bhd, h. 4.

¹⁷ Iskandar, *op.cit.*, h. 944.

mengandungi manusia, berhubung semua secara kolektif melalui hak dan obligasi yang saling mengiktiraf.¹⁸ Manakala Koentjaraningrat pula telah mendefinisikannya sebagai kumpulan manusia yang terikat oleh sesuatu sistem adat istiadat tertentu.¹⁹

d) **Jawa** - Merupakan nama sebuah pulau dalam Kepulauan Indonesia.²⁰ Ianya juga dikaitkan dengan nama pokok asam atau tumbuhan.

e) **Perspektif** - Ianya bermaksud cara pelukisan (penggambaran) sesuatu benda dan lain-lain pada permukaan yang rata sebagaimana yang kelihatan dari sesuatu tempat pada mata seseorang.²¹ Kamus Dewan juga menta'rifikannya sebagai pandangan atau (pentafsiran) yang wajar bukan serata dengan memperlihatkan bahagiannya dalam hubungan keseluruhannya.²²

f) **Islam** - Kalimah Islam dari segi bahasa ialah menyatakan ketundukan dan penerimaan setiap apa yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W sebagai sebuah agama.²³ Islam dari segi syari'at pula ialah mentauhidkan Allah, tunduk dan patuh, ikhlas dan beriman dengan dasar-dasar agama yang telah diturunkan oleh Allah S.W.T.²⁴ Menurut estimologi, Islam berasal daripada bahasa 'Arab yang diambil daripada perkataan "salama" yang bererti selamat sejahtera. Dari asal perkataan inilah dibentuk perkataan "aslama" ertinya

¹⁸ Rahim Syam Nahak (1985), *Mendekati Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya:Fajar Bakti, h. 25.

¹⁹ Koentjaraningrat (1983), *Kebudayaan Mentalitas dan Pembangunan*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia, h. 25.

²⁰ Iskandar, *op. cit.*, h. 227.

²¹ *Ibid.*, h. 879.

²² *Ibid.*

²³ W. Montgomery Watt (1968), *What Is Islam?*. Second Edition, London: Longman, h. 3.

²⁴ Haji Dusuki Bin Haji Ahmad (1988), *Kamus Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 142.

memelihara dalam keadaan selamat sejahtera, menyerah diri, tunduk, patuh dan taat. Dinamakan agama Islam ialah kerana ia mengajar kepatuhan kepada Allah dan tunduk kepada perintah-Nya tanpa membantah.²⁵ Penyerahan diri ini tidak hanya terbatas kepada gerak laku anggota zahir sahaja tetapi merangkumi amalan batin. Ini bererti penyerahan melibatkan jasmani dan rohani, akal dan perasaan atau jiwa serta hati kepada Allah.²⁶ Penyerahan ini tidak terbatas kepada sudut-sudut tertentu sahaja akan tetapi meliputi segala ruang lingkup kehidupan manusia baik di dalam akidah, ibadah, akhlak, perundangan, syariat, amalan harian dan sebagainya.

3. Perumusan Masalah

- 1/ Apakah unsur-unsur utama yang terdapat dalam adat-istiadat tradisional orang Jawa?
- 2/ Dari manakah asal-usul adat-istiadat tradisional orang-orang Jawa di Batu Pahat?
- 3/ Adakah adat-adat Jawa yang diamalkan oleh masyarakat Jawa pada hari ini mempunyai unsur-unsur yang bertepatan dengan kehendak Islam.?

²⁵ David Waines (1995), *An Introduction To Islam*. t.t.p:Cambridge University Press, h. 63.

²⁶ 'Atif 'Ab. Fatah Tabbarah (1963), *Ruh al-Din al-Islami*, c. 8, Beirut:Dār 'Ilmu, h. 1.

4/ Adakah nilai-nilai yang terkandung di dalam adat-istiadat Jawa diakui mempunyai nilai-nilai murni sebagaimana yang disarankan dalam ajaran Islam?

5/ Adakah masyarakat Jawa di Batu Pahat masih mengamalkan kesemua adat-istiadat tradisional Jawa di dalam kehidupan mereka seharian?

4. Tujuan Penyelidikan

Setiap penulisan dan pengkajian ilmiah mempunyai matlamat-matlamat dan tujuan-tujuan yang tertentu. Antara tujuan utama penulis membuat kajian ini ialah;

1/ Untuk mengkaji dan meneliti adat-istiadat tradisional Jawa khususnya dalam perkahwinan, kelahiran dan kematian serta menyingkap sejauhmana perlaksanaan amalan adat istiadat tradisional tersebut oleh masyarakat Jawa di daerah Batu Pahat.

2/ Untuk mengkaji sejarah dan asal-usul adat-istiadat tradisional masyarakat Jawa.

3/ Untuk mengkaji sejauhmanakah adat-istiadat Jawa bertepatan dengan adat-adat yang dibolehkan dalam Islam dan seterusnya dapat

mengetahui adakah terdapat adat-istiadat Jawa yang diamalkan oleh masyarakat Jawa khususnya di daerah Batu Pahat yang bertentangan dengan kehendak Islam.

4/ Sebagai koleksi tambahan rujukan ilmiah berbentuk Islam khususnya kepada golongan muda berhubung dengan adat istiadat tradisional Jawa dan sebagai latihan kepada diri penulis dalam usaha menghasilkan satu perbahasan yang kritikal, kajian atau penyelidikan yang lebih matang pada masa akan datang.

5/ Sebagai memenuhi syarat untuk mendapatkan ijazah Sarjana Usuluddin seperti yang ditetapkan oleh pihak fakulti kepada calon sarjana.

5. Kepentingan Kajian

Penulisan disertasi ini dihasilkan kerana mempunyai beberapa kepentingan yang boleh dilihat daripada aspek-aspek berikut;

1/ Kajian ini dianggap penting dalam meninjau perlaksanaan adat-istiadat yang masih diamalkan dalam kehidupan masyarakat Jawa kini. Dalam kajian disertasi ini, penulis cuba melihat bagaimana proses perlaksanaan dan pemantapan adat-istiadat masyarakat Jawa dalam bentuk aturan yang telah ditetapkan oleh tradisi nenek moyang mereka yang terdahulu. Adakah ianya masih lagi relevan untuk diperaktikkan pada

masa kini?. Persoalan ini telah dikupas dengan mendalam oleh penulis dalam penulisan disertasi ini.

2/ Penyelidikan ini juga dianggap penting kerana ianya boleh dimanfaatkan oleh pihak tertentu seperti anggota masyarakat setempat dan mereka yang mahu mempastikan kedudukan adat-istiadat dari pespektif Islam, khususnya gambaran sebenar mengenai perlaksanaan beberapa jenis adat-istiadat di kalangan masyarakat Jawa di Batu Pahat, sejahteranakah ianya bersesuaian dengan ajaran dan tuntutan Islam yang sebenar.

3/ Kepentingan kajian ini juga boleh dilihat dari aspek kemasyarakatan khususnya sebagai garis panduan bagi masyarakat Islam di Malaysia dalam mendapatkan maklumat serta info yang lebih jelas berhubung amalan-amalan yang dituntut dalam Islam serta adat-adat yang boleh dilaksanakan menurut kacamata Islam. Ini kerana masih terdapat kekeliruan dalam masyarakat Islam tempatan berhubung adat-istiadat yang boleh diamalkan ataupun adat-istiadat yang perlu ditinggalkan kerana mengandungi unsur-unsur yang boleh menyesatkan dan mensyirikkan Allah S.W.T.

4/ Kajian disertasi ini juga boleh membantu para penyelidik, golongan ahli akademik, para penggiat budaya tempatan dan semua pihak yang berminat untuk mengetahui dan mengkaji tentang adat resam dan adat-istiadat yang diamalkan di kalangan pelbagai etnik yang terdapat dalam rumpun Melayu-Islam.

6. Metodologi Penyelidikan

Bagi menyempurnakan kajian ini, penulis telah menggabungkan dua teknik penyelidikan. Teknik penyelidikan tersebut adalah;

- a) Penyelidikan Kepustakaan
- b) Penyelidikan Lapangan

a. Penyelidikan Kepustakaan

Penyelidikan Kepustakaan ialah penyelidikan yang menggunakan perpustakaan sebagai tempat mencari, mendapatkan serta mengumpul data-data kajian. Melalui penyelidikan *Library Research* ini, ianya dapat membantu penulis dalam usaha memahami dasar-dasar dan pokok persoalan perbincangan kajian. Penulis telah mendapatkan data-data dan rujukan-rujukan dari perpustakaan-perpustakaan tertentu iaitu;

- i/ Perpustakaan Utama Universiti Malaya, (UM)
- ii/ Perpustakaan Akademi Islam Universiti Malaya, (UM)
- iii/ Perpustakaan Peringatan Zaba, (UM)
- iv/ Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, (UKM)
- v/ Perpustakaan Awam Islam Malaysia, JAKIM Pusat Islam
- vi/ Perpustakaan Negara, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur

vii/ Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Gombak
(UIAM)

Selain itu, penulis juga mengunjungi Pejabat Daerah Batu Pahat untuk mendapatkan maklumat-maklumat berhubung Batu Pahat

b. Penyelidikan Lapangan

Melalui teknik penyelidikan lapangan, penulis menggunakan beberapa metode seperti berikut;

- i) Metode Penentuan Subjek
- ii) Metode Pengumpulan Data
- iii) Metode Analisis Data

i) Metode Penentuan Subjek

Penulis menggunakan kaedah persampelan dalam menentukan subjek kajian. Penulis membuat kajian terhadap masyarakat keturunan Jawa yang merupakan majoriti penduduk di daerah Batu Pahat. Melalui metode ini, penulis telah mendapatkan sampel-sampel dari setiap kawasan perkampungan yang mempunyai majoriti penduduk yang berketurunan Jawa.

ii) Metode Pengumpulan Data

Penulis telah menggunakan beberapa metode yang relevan dalam proses pengumpulan data agar terjamin kesohihannya dan memudahkan proses analisis data. Metode-metode pengumpulan data yang digunakan ialah;

- a) Metode Sejarah
- b) Metode Dokumentasi
- c) Metode Temubual
- d) Metode Observasi
- e) Metode Soal Selidik

a) Metode Sejarah

Metode Sejarah bermaksud membuat penyelidikan ke atas perkara-perkara yang mengandungi perspektif sejarah. Tujuan utama kajian dengan menggunakan metode ini bagi menilai unsur-unsur sejarah yang diperbincangkan berhubung sejarah orang Jawa. Metode ini digunakan ketika penulis mengkaji data-data kedatangan dan faktor penghijrahan orang Jawa ke Tanah Melayu serta budaya mereka. Selain itu, penulis turut menggunakan metode yang sama ketika mengkaji sejarah awal pembukaan bandar Batu Pahat.

b) Metode Dokumentasi

Metode ini adalah dengan cara pengumpulan data melalui penelitian yang dilakukan terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dan perkaitan dengan masalah yang diteliti.²⁷ Dokumen bererti benda atau bahan bertulis yang dapat memberikan pelbagai keterangan termasuklah gambar, kumpulan undang-undang, auto biografi, surat-surat peribadi, buku harian dan cerita rakyat. Al-Qurān dan al-Ḥadith juga dianggap sebagai dokumen kerana sifatnya sebagai sumber bertulis dan terjamin keasliannya.²⁸

Antara rujukan-rujukan dan dokumen yang digunakan oleh penulis untuk memperlengkapkan penyelidikan ini termasuklah al-Qurān, al-Ḥadith, tafsir al-Qurān, buku-buku bacaan ilmiah, majalah-majalah, kertas kerja, risalah dan lain-lain.

c) Metode Temubual

Metode temubual atau wawancara bermaksud suatu kaedah yang dilakukan untuk memperolehi keterangan, pandangan atau pendirian secara lisan daripada responden secara langsung dengan cara berhadapan muka dengan individu berkenaan. Ia juga merupakan pembantu utama kepada metode observasi. Melalui metode ini penulis telah menemubual beberapa orang individu yang merupakan ahli JKKK serta penduduk kampung untuk mendapatkan

²⁷ Abdul Halim Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraiān Metodologi*. Kuala Lumpur:Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya, h. 117.

²⁸ _____ (1986), “*Filsafat Pendidikan Islam Di Malaysia*”, (Tesis Kedoktoran (IAIN) Sunan Kalijaga Yogyakarta), h. 116.

²⁸ *Ibid*, h. 117.

maklumat berhubung adat-istiadat Jawa di beberapa buah kampung yang menjadi persampelan kajian penulis.

d) Metode Observasi

Melalui metode ini, pengumpulan maklumat dilakukan dengan pengamatan secara langsung terhadap subjek kajian termasuklah pengalaman seseorang peneliti yang dialaminya secara langsung atau tidak di dalam masalah yang ada kaitan dengan subjek penelitian yang dilakukan.

Dalam usaha mengumpulkan data, penulis menggunakan metode ini dengan membuat pengamatan sendiri melalui pengalaman penulis menghadiri majlis kenduri di beberapa buah kampung masyarakat Jawa di Batu Pahat serta menginap di beberapa buah rumah keluarga angkat keturunan Jawa di daerah tersebut.

e) Metode Soal Selidik

Ia merupakan satu kaedah pengumpulan data dengan melakukan soal selidik terhadap beberapa responden yang berkaitan dengan subjek kajian. Beberapa soalan yang berkaitan disediakan di dalam satu borang dan diedarkan kepada responden.

Tujuan penggunaan metode ini adalah sebagai pelengkap kepada data yang diperolehi oleh penulis melalui metode-metode lain khususnya dalam bab

yang keempat. Melaluiinya penulis dapat membuat beberapa hipotesis untuk dimuatkan dalam bab lima.

iii) Metode Analisis Data

Penulis menggunakan tiga metode yang berasingan dalam menganalisa dan memproses data-data bagi tujuan penulisan ini. Metode-metode penganalisaan data yang digunakan ialah;

- a) Metode Induktif
- b) Metode Deduktif
- c) Metode Komparatif

a) Metode Induktif

Penulis menggunakan kaedah ini untuk membuat kesimpulan berdasarkan kepada pemaparan data yang bersifat khusus untuk mendapatkan konklusi yang bersifat umum sebagaimana pengertian menurut Imam Barnadib yang menyatakan bahawa “pola berfikir yang mencari penelitian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai ke dalil yang umum”.²⁹

Berdasarkan metode ini, penulis akan menganalisa data-data dalam bentuk khusus untuk disimpulkan dalam bentuk umum. Penulis menggunakan metode ini ketika menghuraikan sejarah orang Jawa dan kedatangannya ke Tanah Melayu,

²⁹ Prof Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta:Yayasan Penerbitan FIP-JKIP, h. 52-53.

faktor-faktor penghijrahan orang Jawa ke Tanah Melayu serta menyatakan jumlah penduduk dan peratusnya di kawasan persampelan.

b) Metode Deduktif

Kaedah penganalisaan data ini digunakan oleh penulis untuk menghasilkan kesimpulan yang bertunjangkan kepada data-data yang bersifat umum untuk mendapatkan konklusi yang bersifat khusus. Penulis menggunakan kaedah penganalisaan data dengan menggunakan metode ini bagi menghuraikan sesuatu permasalahan dan membuat kesimpulan serta rumusan secara terperinci dengan menggunakan data yang lengkap dan lebih khusus. Metode-metode tersebut digunakan dalam bab dua ketika menghuraikan amalan-amalan berhubung kelahiran bayi, majlis perkahwinan dan pengurusan jenazah menurut perspektif Islam serta adat-istiadat tradisional masyarakat Jawa dalam bab empat.

c) Metode Komparatif

Penulis seterusnya menggunakan metode komparatif bagi membandingkan data-data yang diperolehi untuk mendapatkan suatu rumusan yang baik dan adil. Perbandingan dibuat terhadap seluruh fakta, data dan maklumat yang didapati daripada pelbagai sumber. Melalui perbandingan tersebut, beberapa hipotesis akan dihasilkan dan kesimpulan kajian akan dapat dilaporkan dalam bab lima.

Demikian beberapa metodologi yang digunakan oleh penulis sepanjang penyelidikan ini. Penggunaan metodologi adalah sebagai satu cara memelihara corak kajian, nilai serta kualiti daripada kesimpulan kajian itu.

7. Sistematika Penulisan

Dalam penulisan ini, penulis telah membahagikan kepada lima bab yang mengandungi segala intipati dan kupasan permasalahan secara keseluruhannya. Bab-bab ini telah diuraikan dan diperbahaskan dengan teliti oleh penulis bagi memastikan permasalahan yang dikaji mencapai sasaran maksudnya iaitu tentang amalan adat-istiadat masyarakat Jawa menurut perspektif Islam.

Di dalam bab I, penulis membincangkan tentang pendahuluan bab iaitu mencakupi latar belakang permasalahan tajuk yang dikaji di mana penulis membincangkan terlebih dahulu sejarah awal pembukaan bandar Batu Pahat termasuk keluasan dan jumlah penduduk. Di dalam bab ini juga penulis menghuraikan tentang pengertian tajuk yang dipilih, perumusan masalah, tujuan penyelidikan, kepentingan kajian, metodologi penyelidikan dan tidak ketinggalan penulis menghuraikan sistematika penulisan yang bertujuan untuk membahagikan bab secara teratur dan sistematis. Seterusnya, penulis membincangkan secara lebih lanjut tentang latar belakang masyarakat Jawa berhubung sejarah kedatangannya ke Tanah Melayu, faktor-faktor yang membawa kepada penghijrahan, proses asimilasi, cara hidup dan sistem pimpinan dalam masyarakat Jawa di awal kedatangan mereka ke Tanah Melayu.

Sementara di dalam bab II pula, penulis telah membahagikannya kepada dua bahagian utama sebagai landasan teori yang merupakan asas kepada permasalahan tajuk di dalam kajian ini iaitu pertama; konsep adat dan istiadat dan kedua; penulis telah menyentuh tentang pandangan Islam berhubung amalan dalam upacara adat seperti upacara menyambut kelahiran, perkahwinan dan kematian dengan memfokuskan kepada seluruh masyarakat Islam amnya.

Di dalam bab III, penulis menghuraikan tentang metodologi penyelidikan dan menerangkan metode-metode yang telah digunakan oleh penulis dalam menghasilkan penulisan ini. Penulis telah membahagikan kepada tiga metode utama iaitu metode penentuan subjek, metode penentuan data dan metode analisis data. Pemilihan metode-metode yang bersesuaian adalah penting bagi memastikan hasil penulisan dan penyelidikan yang dikaji mencapai sasaran maksud yang dikehendaki disamping memudahkan penulis untuk menghasilkan penulisan yang berkualiti dan mempunyai nilai autoriti.

Sementara di dalam bab IV pula, sebelum menganalisis laporan kajian berhubung adat-istiadat masyarakat Jawa di daerah Batu Pahat, penulis membincangkan terlebih dahulu tentang tentang adat-istiadat tradisional masyarakat Jawa yang merangkumi adat-istiadat kelahiran, berkhatan, perkahwinan, kematian dan kenduri slametan. Kemudian penulis melaporkan hasil daripada penyelidikan yang telah dikaji dengan membuat analisis ke atas kampung-kampung yang dipilih di daerah Batu Pahat berhubung kajian adat-istiadat masyarakat Jawa dari perspektif Islam. Di dalam bab ini juga, penulis menghuraikan dengan lebih terperinci berhubung adat-adat yang diamalkan oleh

setiap kampung yang dipilih dan seterusnya membandingkannya dengan adat-adat yang dikehendaki dalam Islam.

Seterusnya dalam bab V, penulis mengemukakan rumusan dan kesimpulan secara keseluruhannya serta beberapa saranan yang difikirkan perlu dengan merujuk kepada kesimpulan-kesimpulan yang telah dibuat oleh para ahli fiqh berhubung perlaksanaan adat dan istiadat dalam masyarakat Islam khususnya.

Demikian, antara sistematika penulisan bab yang telah disusun oleh penulis dalam menghasilkan penulisan disertasi ini agar permasalahan yang dibincangkan dapat difahami dengan jelas mengikut susunan bab yang telah digariskan.

8. Latar Belakang Masyarakat Jawa

a) Sejarah dan Kependudukan

Pulau Jawa ialah sebuah pulau yang luasnya hanya tujuh peratus daripada seluruh daratan kepulauan Indonesia dengan penduduknya melebihi 60 juta orang. Kedudukannya terletak di antara Lautan Hindi dan Laut Jawa. Panjang pulau ini dikatakan lebih daripada 1,200 km dan lebarnya 500 km.³⁰

³⁰ Noriah Mohamed (2001), *Jawa Di Balik Tabir*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 13.

Dari segi sejarahnya, pulau ini sudah dihuni manusia sejak zaman air batu iaitu kira-kira dua juta tahun yang lalu dengan penemuan 41 buah fosil manusia purba. Manusia purba ini dinamakan *Pithecanthropus erectus* dan akhir-akhir ini dikenali juga sebagai *Homo erectus*. Penemuan ini telah dilakukan oleh seorang ahli fizik Belanda yang bernama E. Dubois pada tahun 1896 di Trinil. Di Mojokerto juga ditemui fosil ini dan dikira umurnya lebih kurang dua juta tahun.

Peradaban di Jawa terus melalui zaman batu, perenggu (*Dong-son*) dan besi. Berakhirnya zaman prasejarah ini setelah datangnya peniaga-peniaga dari India Selatan dan Sri Langka pada abad ke-3 dan 4 Masehi. Kedatangan mereka inilah bermulanya zaman Hindu di Jawa. Prasasti-prasasti yang ditemui di lembah Sungai Cisedane iaitu 60 km sebelah timur Jakarta menandakan adanya negara-negara Hindu-Jawa.³¹ Raja yang memerintah adalah orang tempatan yang meniru gaya hidup para Brahmana dari India sebagai penasihat.³² Perkembangan Hindu ini telah mewujudkan kerajaan Srivijaya di Palembang dan kerajaan lain di Jawa Timur dan Tengah seperti kerajaan Mataram yang muncul di Jawa Tengah.³³ Kewujudan pemerintah ini dapat dilihat daripada tinggalan-tinggalan Candi Siva di dataran tinggi Dieng. Tinggalan-tinggalan lain yang dapat dilihat ialah Candi Prambanan di Yogyakarta dan candi-candi lain di Jawa Timur.³⁴

Orang Jawa mendiami kawasan Tengah dan Timur Pulau Jawa manakala di sebelah Barat didiami orang-orang Sunda. Gambaran fizikal orang Jawa

³¹ Ahmad Rifa'i Hasan (1987), *Warisan Intelektual Islam Indonesia : Telaah Ke Atas Karya-Karya Klasik*. Jakarta:Lembaga Studi Agama dan Filsafat (LSAF), h. 59.

³² Budiono Herusatoto (1984), *Simbolisme Dalam Budaya Jawa*. Yogyakarta:Penerbit PT. Hanindita, h. 101.

³³ *Ibid.*

³⁴ Noriah, *op. cit.*, h. 14.

dikatakan berbentuk pendek sedang, berat badan ringan, kulit kuning langsat dan sawo matang, bulu badan sedikit, kepala bundar, muka lebar, hidung sedang lebarnya dan menonjol.³⁵ Pada dasarnya agak sukar untuk menentukan samada seseorang itu orang Jawa, Melayu, Thai atau Filipina kerana keadaan fizikal yang hampir sama, namun hanya budaya sahaja yang menentukan mereka. Untuk menentukan kedudukan seseorang Jawa digunakan ukuran sudah Jawa (*wis Jawa*) dan belum Jawa (*durung Jawa*). Ukuran ini berdasarkan kepada nilai budaya Jawa seperti bahasa yang digunakan dan perlakuan-perlakuan yang selaras dalam budaya Jawa.³⁶

Orang Jawa adalah penduduk yang terbesar sehingga Pulau Jawa dianggap sebagai pulau yang paling padat penduduknya dalam kepulauan Indonesia. Untuk mengimbangi keadaan ini, migrasi penduduk ke tempat lain telah dilakukan sejak 1870.³⁷ Mereka dijadikan pekerja kontrak di Sumatera dan juga di Tanah Melayu pada 1940-an oleh pemerintah Jepun. Sebelum itu orang Jawa sudahpun dijadikan kuli di perkebunan jajahan Belanda seperti di Tanjung Harapan Afrika Selatan dan Kepulauan Caribia.³⁸ Sehingga kini banyak penempatan orang Jawa di luar Pulau Jawa seperti di Sumatera, Kalimantan Malaysia dan hingga ke Surinam.

b) Bahasa dan Sistem Sosial

Bahasa orang Jawa tergolong kepada sub-keluarga *Hesperonesia* iaitu daripada keluarga bahasa Melayu Polinesia. Dari segi sejarah, bahasa Jawa telah

³⁵ *Ibid.*, h. 15.

³⁶ *Ibid.*

³⁷ Koentjaraningart, *op. cit.*, h. 10.

³⁸ *Ibid.*

berkembang sejak abad ke-8 Masehi seperti yang terungkap dalam kesusasteraannya.³⁹ Dalam kesusasteraan terdapat penggunaan Bahasa Jawa Kuno, Bahasa Jawa Tengahan dan Bahasa Jawa Baru.

Bahasa Jawa Kuno pertama kali digunakan untuk menulis satu inskripsi dari Sukabumi yang bertarikh 804 Masehi. Sebelum itu inskripsi-inskripsi yang ditemui ditulis dalam bahasa Sanskrit (*sanskrita*). Bahasa bentuk ini digunakan dalam penulisan *kekawin* dan *parwa-parwa*.⁴⁰ Bahasa Jawa Tengahan digunakan untuk menulis sastera yang berbentuk kidung dan beberapa karya prosa. Namun begitu, pada tahap ini belum ada garis pemisah secara jitu tentang penggunaan bahasa Jawa Kuno dan Tengahan. Apa yang nyata bahasa Jawa Tengahan terus digunakan sejak zaman Kerajaan Majapahit sehingga Kerajaan Islam Pesisir pada abad ke-16 Masehi. Lama kelamaan secara beransur-ansur bahasa Jawa Baru telah mula digunakan dalam penulisan.⁴¹

Bahasa Jawa Baru mengalami perkembangan pesat pada zaman Kerajaan Mataram di Jawa Tengah. Bahasa ini akhirnya berkembang kepada tiga tingkatan bahasa yang membezakan cara bertutur antara penutur dengan pendengar berdasarkan status sosialnya yang dikenali sebagai bentuk *Krama* (halus), *Madya* (sedang) dan *Ngoko* (kasar).⁴² Selain tiga tingkatan bahasa Jawa terdapat juga beberapa dialek bahasa Jawa yang digunakan berdasarkan daerah pemakaiannya

³⁹ *Ibid*, h. 17.

⁴⁰ Woro Aryandini S. (2000), *Citra Bima Dalam Kebudayaan Jawa*. Indonesia:Penerbit Universitas Indonesia, h. 14.

⁴¹ *Ibid*, h. 15.

⁴² Maksud peringkat penggunaan di sini ialah dalam konteks di mana dan kepada siapa bahasa itu hendak dituturkan. Tiap-tiap peringkat itu dapat menunjukkan masa, tempat dan orang yang diajak bercakap.

seperti Bagelen, Banyumas dan sebagainya. Namun bahasa Jawa Baku adalah bahasa yang digunakan di daerah Yogyakarta dan Surakarta (Sala) Jawa Tengah.⁴³

Dengan adanya tingkatan bahasa Jawa yang diungkapkan, secara tidak langsung menggambarkan sistem sosial masyarakat Jawa yang berbentuk feudalistik.⁴⁴ Sistem ini berkaitan dengan sikap mental orang Jawa terhadap sesamanya berdasarkan kepada perbezaan usia dan kedudukan. Bentuk *krama* digunakan untuk berbicara kepada orang yang lebih tua dari segi umur dan kedudukan manakala *Ngoko* digunakan untuk orang yang sudah intim yang rendah kedudukan dan muda usianya.⁴⁵ Justeru itu, orang Jawa telah dibahagikan kepada tiga golongan iaitu Priyayi, Santri dan Abangan.

Golongan Priyayi adalah golongan elit bangsawan Jawa yang terdiri daripada pegawai-pegawai pemerintah. Golongan Santri adalah golongan yang taat kepada ajaran agama, manakala Abangan pula adalah golongan yang dianggap sebagai Nominal Muslim atau Nominal Kristian iaitu yang tidak melaksanakan suruhan agama hanya sekadar manusia yang beragama secara keturunan atau ikut-ikutan.⁴⁶

Dalam bidang agama orang Jawa dianggap sebagai pemeluk agama Islam namun sekarang ini ada di kalangan mereka yang memeluk agama Kristian samada Katolik atau Protestan selain Hindu dan Buddha. Dari segi amalan

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ Marbangun Hardjowirogo (1984), *Manusia Jawa*. Jakarta: Inti Idayu Press, h. 68.

⁴⁵ Tata-krama sangat mempengaruhi kehidupan masyarakat keturunan Jawa kerana pada persepsi mereka, kehidupan ini berperingkat-peringkat dan muncul daripada penceraian keadaan semulajadi manusia seperti tua, muda, kecil, besar, senang, susah serta keadaan-keadaan yang memperlihatkan perbezaan dalam kehidupan manusia.

⁴⁶ Zaini Muchtarom (1988), *Santri dan Abangan Di Jawa*, j.2, Jakarta: Inis, h. 32.

yang menggunakan gamelan dan tari-tarian yang kebanyakannya diilhamkan dari epos Ramayana dan Mahabhrata.⁵²

9. Sejarah Kedatangan Orang Jawa Ke Tanah Melayu

Sejarah kedatangan dan penghijrahan orang Indonesia ke Tanah Melayu dalam abad ke-19 dan ke-20 bukanlah merupakan suatu perkembangan yang baru. Kedatangan mereka dalam abad ke-19 hanyalah merupakan satu proses yang sentiasa berlaku sebelum abad ke-19 di kalangan masyarakat Melayu di alam Nusantara di mana kehidupan dari segi politik, sosial, ekonomi, keturunan, agama dan kepercayaan serta cara kehidupan adalah sama.

Apabila mengkaji mengenai perpindahan atau penghijrahan di kalangan masyarakat Jawa, sebahagian besar daripada mereka yang datang ke Tanah Melayu adalah bertujuan untuk merantau,⁵³ mengembara, mencari ilmu pengetahuan dan melancong. Mereka yang datang dengan sebab-sebab ini biasanya mempunyai latar belakang kehidupan yang mewah ataupun berasal dari

⁵² Ibid.

⁵³ Menurut pengertian Teuku Iskandar (1970), *Kamus Dewan DBP*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 931, Perkataan "merantau" adalah bermaksud berjalan, belayar atau mengembara ke tempat lain kerana mencari kehidupan yang lebih baik. Menurut Dr. Mochtar Naim (1979) dalam bukunya, *Merantau Pola Migrasi Suku Minangkabau*. Gadjah Mada University Press, h. 2 – 3 , "Merantau" adalah istilah Melayu, Indonesia dan Minangkabau yang sama erti dan pemakaiannya dengan akar kata "rantau". Rantau menurut Winstedt, Iskandar dan Purwadarminta ialah kata benda yang bererti dataran rendah atau daerah aliran sungai. Kebiasaannya terletak dekat ke- atau bahagian dari daerah persisir. "Merantau" ialah katakerja yang berawalan "me" – yang bererti "pergi ke rantau". Tetapi dari sudut sosiologi, istilah ini mengandungi enam aspek seperti berikut:

- 1) Meninggalkan kampung halaman
- 2) Dengan kemahuan sendiri
- 3) Untuk jangka waktu lama atau tidak
- 4) Dengan tujuan mencari penghidupan,menuntut ilmu atau mencari pengalaman
- 5) Biasanya dengan maksud kembali pulang
- 6) Merantau ialah lembaga sosial yang membudaya

keluarga yang mempunyai kedudukan yang agak tinggi di Jawa, seperti keluarga pentadbir di peringkat kampung.

Selain dari konsep merantau, terdapat satu konsep yang menarik di kalangan masyarakat Jawa yang mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan penghijrahan orang Jawa ke Tanah Melayu. Konsep ini dipanggil sebagai “*Minggat*” yang membawa maksud sebagai lari dan meninggalkan sesuatu tempat. Melalui konsep minggat ini biasanya, adalah disebabkan malu dengan satu-satu kejadian yang berlaku kepada diri penghijrah yang menyebabkan penghijrah tersebut mengambil keputusan untuk lari dari tempat asalnya.

Sementara itu, dalam proses penghijrahan orang Jawa terdapat satu lagi istilah yang dinamakan sebagai “*boyongan*”.⁵⁴ Pada kebiasaannya, boyongan ini melibatkan proses penghijrahan sesebuah keluarga. Proses ini hanya berlaku apabila seseorang penghijrah sudah mendapat tanah dan kehidupan yang terjamin, ia akan kembali semula ke tempat asalnya di Jawa untuk membawa keluarganya berhijrah ke Tanah Melayu.⁵⁵

Dalam abad ke-16 dan ke-17, peranan orang Jawa dalam perdagangan di Kepulauan Melayu telah diakui oleh beberapa pentadbir Portugis dan pengembara Barat. Dalam zaman Barbosa di Melaka, orang Jawa dikatakan telah menguasai perkapalan di antara Melaka dan Kepulauan Melayu, termasuk di Pulau-Pulau Rempah.⁵⁶ Malahan sumber-sumber Cina yang bertarikh pada awal abad-abad

⁵⁴ Rujuk *Kamus Dewan*, h. 132, bermaksud pindah.

⁵⁵ Khazin, *op. cit.*, h. 3.

⁵⁶ Donald F. Lach (1968), *Southeast Asia In The Eyes Of Europe: The Sixteenth Century*. Chicago: University Of Chicago Press, h. 514.

pertama Masihi ada menyatakan bahawa orang Jawa pernah sampai ke negeri China, Madagaskar dan pelabuhan-pelabuhan di Afrika Timur.⁵⁷ Tome Pires pula melaporkan bahawa orang Jawa pernah belseyar hingga ke Aden.⁵⁸

Peranan orang Jawa dalam bidang pelayaran dan perdagangan ini adalah berkait rapat dengan peranan mereka yang dilaporkan sebagai pakar dalam pertukangan kayu dan besi serta membina kapal.⁵⁹ Setelah Belanda dapat menguasai Pulau Jawa, dasar pentadbiran Belanda telah dilaporkan banyak menekan penduduk Jawa.⁶⁰ Ini telah menyebabkan berlakunya migrasi dalaman di antara beberapa daerah di Jawa. Sejak pertengahan abad ke -19, konsep penghijrahan sudah mula mendapat tempat di kalangan orang Jawa. 30 tahun kemudian, penghijrah Jawa sudah terdapat di daerah-daerah luar Jawa seperti Tanah Melayu, Borneo Utara, Brunei, Sarawak, Siam, Indonesia, Surinam dan New Caledonia.⁶¹

Orang Indonesia telah lama berhijrah ke Tanah Melayu. Proses ini bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Mereka terdiri daripada orang Indonesia yang berketurunan Jawa, Minangkabau, Bugis, Boyan, Banjar, Kerinchi, Mendiling dan Aceh.

⁵⁷ M.A.P. Meilink Roeloefsz (1962), *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago Between 1500 and about 1630*. M. Nijhoff: The Hague, h. 22.

⁵⁸ A. Cortesao (1944), *The Sumé Oriental of Tome Pires and The Book of Franco Rodrigues*. (trans. & ed.), t.t.p:Hakluyt Society, h. 174.

⁵⁹ Donald F. Lach (1968), *Southeast Asia In The Eyes of Europe: The Sixteenth Century*. Chicago: University of Chicago Press.

⁶⁰ John Bastin (1972), *The Dutch In Java*. New York: Oxford University Press, h. 2-3

⁶¹ C. A. Lockard (1971), *The Javanese as Emigrant: Observations on the Development of Javanese Settlements Overseas*. Indonesia: t.t.p, h. 42-43.

Disebabkan kebudayaan yang sama, penghijrah ini mudah menyesuaikan diri dengan penduduk tempatan. Walaupun masih mengamalkan budaya asal mereka, masyarakat Jawa dan Minangkabau khususnya mampu mengekalkan budaya mereka yang begitu indah dan unik.⁶² Kedatangan orang-orang Jawa ini khususnya memang berkait rapat dengan perkembangan Tanah Melayu ketika itu, iaitu di bawah pemerintahan British yang menggalakkan kedatangan buruh luar ke Tanah Melayu. Walaubagaimanapun, tidak dinafikan bahawa kedatangan mereka juga disebabkan oleh keadaan tanah air mereka padat dan tidak tenteram.⁶³

Ahli-ahli kaji penduduk dan masyarakat biasanya memberikan sebab berlakunya penghijrahan itu kepada dua iaitu faktor penolak dan faktor penarik. Di antaranya ialah”tekanan-tekanan negatif daripada kelebihan penduduk dan kemarau atau daya tarikan yang positif akan kemakmuran di kawasan yang lain.⁶⁴”Antara faktor-faktor yang akan cuba dilihat ialah akibat kelebihan penduduk di Jawa, tekanan pemerintahan Belanda, lari akibat terlibat dalam pergolakan politik dan sebab-sebab persendirian. Walaubagaimanapun, dalam tinjauan terhadap kedatangan orang Jawa ke Tanah Melayu, dapat diberikan beberapa sebab yang meliputi sebab-sebab politik, sosial dan ekonomi.⁶⁵

Menjelang Perang Dunia ke-2, Pulau Jawa sudah menjadi salah satu kawasan pertanian yang paling padat penduduknya di dunia. Setengah pengulas menganggap keadaan di Jawa sudah mencapai satu peringkat yang merbahaya.

⁶² Siti Razaah dan Fa'izah Azzahra (1996), *Orang Jawa dan Minangkabau*. Selangor:Penerbit Ping, h. 1.

⁶³ E. S. Bogardus (1982), *Immigration and Race Attitude*. Boston: D.C. Health & Co, h. 3.

⁶⁴ S.N. Dicken & F.R Pitts (1963), *Introduction To Human Geography*. Massachussettes:Blaisdell-Publishing Co., h. 31.

⁶⁵ Khazin, *op.cit.*, h. 8.

Disebabkan keadaan pertambahan penduduk di Pulau Jawa telah menyebabkan timbul masalah lain yang lebih rumit, seperti masalah pembahagian tanah, pengangguran yang tidak ketara, penyakit hutang dan kemiskinan tanah.⁶⁶

Masalah kemiskinan dan kemalaratan di Pulau Jawa telah diakui oleh sebahagian besar penghijrah Jawa yang datang ke Tanah Melayu.⁶⁷ Sebab utama penghijrah tersebut datang ke Tanah Melayu kerana hasil yang mereka perolehi dari tanah yang sempit sangat kurang dan tidak cukup bagi keperluan hidup mereka.⁶⁸

Sebelum Perang Dunia ke-2, keadaan kekurangan makanan dan kemalaratan ini telah meluas sehingga ada beberapa daerah yang telah mengalami keadaan yang teruk seperti daerah Selatan Ceribon, Selatan Pekalongan dan Bodjone-goro. Sementara itu dalam masa yang sama didapati hitung panjang kadar pertambahan penduduk terus berlaku. Satu akibat lain yang timbul dari kehidupan yang miskin ini ialah masalah hutang.⁶⁹ Masalah hutang di kalangan petani Jawa sebelum Perang Dunia ke-2, tidak dapat digalurkan mengikut data-data yang tepat, tetapi petani yang berhutang dikatakan mempunyai peratus yang tinggi. Masalah hutang bukan sahaja berlaku dalam bentuk wang, tetapi ada juga dalam bentuk bahan makanan, sewaan tanah atau gadaian tanah. Satu daripada

⁶⁶ D.H. Burger (1983), *Perubahan-Perubahan Struktur Dalam Masyarakat Jawa*. Soedjito Sosrodihardjo (terj.), Jakarta:Penerbit Bhratara Karya Aksara, h. 8.

⁶⁷ Paul Stange (1998), *Politik Perhatian Dalam Kebudayaan Jawa*. Indonesia: t.p, h. 255.

⁶⁸ Han. R. Redmana (1970), *Beberapa Persoalan Penduduk Di Indonesia*. Djakarta:Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, h. 11.

⁶⁹ Khazin, *op.cit.*, h. 38.

akibat yang timbul dari masalah hutang ini ialah ramai petani menjadi buruh di atas tanah mereka sendiri yang telah tergadai.⁷⁰

Walaubagaimanapun, dalam kajian luar yang dijalankan didapati bahawa penghijrah Jawa ke Tanah Melayu tidak menafikan wujudnya tekanan yang berat yang dilakukan oleh Belanda. Antaranya ialah beberapa jenis cukai perkhidmatan tertentu, menjadi buruh paksa, cukai harta peribadi, cukai perniagaan, cukai tanah dan cukai kepala iaitu cukai berbentuk wang sebagai menggantikan “*personal service*”.⁷¹

Tekanan dan bebanan cukai serta perkhidmatan tersebut telah menyebabkan ramai penduduk Jawa yang telah meninggalkan kampungnya berhijrah ke tempat-tempat lain yang tidak ada tekanan seperti itu. Dari keterangan penghijrah Jawa yang datang ke Tanah Melayu, mengatakan bahawa kehidupan di Tanah Melayu adalah jauh lebih tenang dan aman jika dibandingkan dengan keadaan di bawah pemerintahan Belanda. Perpindahan mereka ke Tanah Melayu adalah merupakan salah satu cara untuk mengelakkan dari menghadapi tekanan dan bebanan yang dialami di Pulau Jawa.⁷²

⁷⁰ Burger, *op. cit.*, h. 4.

⁷¹ John, *op. cit.*, h. 3.

⁷² *Ibid.* h. 38-39.

9.1 Proses Asimilasi, Cara Hidup dan Sistem Pimpinan Masyarakat Jawa Di Tanah Melayu

Dalam kajian mengenai perkembangan yang berlaku dalam masyarakat penghijrah, Alfred Sauvy telah memberikan 3 peringkat yang penting iaitu penempatan, penyesuaian dan asimilasi penuh.⁷³ Untuk mencapai ke suatu peringkat asimilasi yang penuh adalah memakan masa yang panjang dan biasanya melalui beberapa keturunan. Ini adalah kerana asimilasi yang paling baik adalah melalui proses yang perlahan, yang sukar dan yang meyakinkan.

Dalam kajian mengenai proses asimilasi di kalangan orang Jawa di Tanah Melayu, pemerhatian yang khusus akan dibuat berdasarkan kepada perkembangan sejarah yang tidak semestinya sama di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Kalau dilihat dari beberapa segi, terdapat persamaan di antara orang Melayu dengan orang Jawa. Kedua-duanya berasal daripada satu rumpun bangsa yang sama iaitu Mongoloid yang mempunyai agama dan sejarah kebudayaan yang sama.

Dari segi perhubungan dan asimilasi, bahasa Melayu adalah merupakan bahasa pengantar yang penting bukan sahaja di antara orang Jawa dengan orang Melayu, malahan juga di kalangan suku bangsa Melayu lain di Nusantara. Jika dilihat dari segi vokal, diftong dan konsonan dalam struktur bahasa Melayu terdapat unsur persamaan dengan struktur bahasa Jawa.⁷⁴ Dari segi perhubungan

⁷³ *Ibid*, h. 101.

⁷⁴ *Ibid*, h. 103.

di dalam keluarga dan juga di kalangan masyarakat Jawa, bahasa Jawa merupakan alat perhubungan yang utama.⁷⁵

Melalui faktor penempatan, proses asimilasi di kalangan orang Jawa dengan orang Melayu tempatan tidaklah menyeluruh. Penempatan orang Jawa dengan jumlah bilangan yang tidak ramai lebih cepat diasimilasikan kerana pergaulan yang lebih luas di antara mereka dengan orang Melayu, Cina dan India di kawasan tersebut⁷⁶. Kedatangan orang Melayu untuk bermastautin di penempatan tersebut turut mempercepatkan proses asimilasi itu.⁷⁷ Dari kajian yang dilakukan, didapati penghijrah Jawa tidaklah seratus peratus mengikuti cara hidup seperti di Jawa. Mereka hanya mengamalkan sekadar yang patut dan sesuai dengan penempatan mereka. Keadaan ini memang suatu keadaan yang universal berlaku kepada semua penghijrah. Antara aspek-aspek yang masih lagi dikekalkan ialah organisasi gotong-royong, kenduri selametan dan kesenian.⁷⁸

Daripada kajian mengenai beberapa aspek kehidupan penghijrah Jawa di Tanah Melayu, jelas dilihat bahawa mereka masih cuba meneruskan cara hidup yang biasa diamalkan di Jawa, mungkin dalam bentuk yang telah diubahsuai mengikut keadaan di Tanah Melayu. Kesemua aspek kehidupan yang diteruskan oleh mereka itu mempunyai unsur perpaduan dan perhubungan yang erat di

⁷⁵ Keadaan yang sama juga masih berlaku di Jawa, khususnya di daerah Jogjakarta di mana orang Jawa lebih mengutamakan penggunaan bahasa Jawa. Bahasa Indonesia hanya digunakan sebagai bahasa kedua terutama dalam perhubungan rasmi, pidato, ceramah, perkumpulan dan perkuliahan.

⁷⁶ V. Thompson (1947), *Labour Problem in Southeast Asia*. New Haven: Yale University Press, h.79.

⁷⁷ *Ibid*, h. 111.

⁷⁸ Harsja W. Bachtiar (1973), *The Religion Of Java: A Commentary*. Jakarta: Majalah Ilmu Alam Sastera Indonesia, Djilid V, No. 1, Januari, h. 86-87.

kalangan mereka.⁷⁹ Organisasi sosial seperti gotong-royong, selametan dan kegiatan kesenian adalah memperlihatkan saluran integrasi di kalangan mereka sendiri.⁸⁰ Cara hidup seperti ini jugalah yang telah dapat memberikan rasa harmoni dan penyatuan di kalangan mereka.⁸¹

Dalam perkembangan sistem pimpinan orang Jawa, ianya mempunyai pertalian yang rapat dengan perkembangan penempatan mereka. Dari kajian yang dijalankan, ada beberapa cara bagaimana pimpinan itu dapat diwujudkan . Pertama, pimpinan yang diwujudkan berdasarkan kepada peranannya sebagai ketua kumpulan peneroka dan dalam hal ini perlantikan ketua itu adalah sebulat suara dipersetuju oleh penduduk di kawasan penempatan tersebut. Kedua, pemimpin yang dilantik adalah berasaskan kepada orang yang mula-mula membuka dan mengerjakan suatu penempatan. Orang ini merupakan perintis kawasan penempatan baru dan telah bertanggungjawab membawa penghijrah baru untuk menetap di kawasan tersebut. Dalam sistem pimpinan orang Jawa di Tanah Melayu, terdapat beberapa persamaan dengan sistem pimpinan di Jawa. Tetapi persamaan itu hanyalah dalam cara sistem pimpinan itu dijalankan seperti cara perlantikan dan perbincangan mengenai hal-ehwal kampung.

Daripada perbincangan mengenai proses asimilasi di kalangan orang Jawa dengan penduduk Melayu tempatan, dapat disimpulkan faktor kebudayaan, bahasa dan agama yang sama telah mempercepatkan proses asimilasi tersebut disamping beberapa faktor lain yang harus dipertimbangkan dengan teliti. Manakala

⁷⁹ Ira Slamet (1965), *Pokok-Pokok Pembangunan Masyarakat Desa: Sebuah Pandangan Antropologi Budaya*. Djakarta: Bharata, h. 85.

⁸⁰ Paul Stange, *op. cit.*, h. 255.

⁸¹ Niels Mulder (1978), *Mysticism & Everyday Life In Contemporary Java Cultural Persistence And Change*. Singapore University Press, h. 59.

meninjau tentang sistem pimpinan orang Jawa pula, didapati sistem pimpinan mereka lebih mudah (*simple*) di mana pemilihan pemimpin dibuat secara tidak rasmi (*informal*).⁸²

⁸² Khazin, *op. cit*, h. 133.